

Dr. Mahathir minta Kemas naikkan imej

Oleh C. SHEILA RANI
pengاران@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 FEB.

KAKITANGAN Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) harus menaikkan semula imej dan kewibawaan jabatan tersebut sebagai sebuah organisasi pembangunan masyarakat luar bandar.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kemas juga perlu ke hadapan sebagai agensi utama penggerak perubahan masyarakat di luar bandar.

“Tingkatkan prestasi kerja, sentiasa lakukan perubahan dan fleksibel dalam setiap tindakan.

“Mereka juga harus memberi

fokus sepenuhnya terhadap penyampaian perkhidmatan yang baik kepada masyarakat selaras dengan aspirasi Kemas sebagai penggerak kesejahteraan masyarakat luar bandar,” katanya berucap dalam Perhimpunan Perdana Sambutan Hari Kemas 2019, dekat sini hari ini.

Teks ucapan Perdana Menteri dibacakan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd. Harun.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, R. Sivarama; Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr. Ahmad Jailani Muhamed Yunus dan Ketua Pengarah Kemas, Datuk Amiruddin Ariffin.

Perhimpunan Perdana Sambutan Hari Kemas yang julung kali

UM-24/2/2019 m/s: 8

diadakan bertujuan menerangkan hala tuju dan peranan warga Kemas sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam memajukan masyarakat luar bandar.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, Kemas perlu menjadi tulang belakang kerajaan dalam meneruskan usaha-usaha perancangan dan pembangunan negara.

Kata beliau, langkah itu bagi memastikan segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan berjalan dengan lebih teratur dan berkesan.

“Setiap anggota Kemas dituntut agar menghayati falsafah, dasar dan aspirasi kerajaan yang kemudiannya disampaikan kepada masyarakat luar bandar dengan harapan agar mereka juga turut sama merasai aspirasi tersebut,” katanya.